

LAPORAN AKHIR

PROJEK PENYELIDIKAN

MENGENAI

PENGEDARAN DAN PEMBACAAN

MAJALAH-MAJALAH KELUARAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

DISAMPAIKAN KEPADA

PENGARAH PENERBITAN, DBP

OLEH

KUMPULAN KAJISELIDIK  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

DISEMBER 1988

## NOTA PENULIS

---

Syukur kehadrat Allah s.w.t., laporan akhir projek ini telahpun disiapkan oleh kami. Projek ini adalah hasil initiatif Tuan Haji Shaari bin Abdullah, Pengarah Penerbitan, Dewan Bahawa Dan Pustaka (DBP) serta pegawai-pegawai lain di Bahagian Perniagaan, khususnya, Encik Abdul Hamid bin Abdul Hadi, yang telah menaruh kepercayaan mereka terhadap kami untuk menyiapkan projek ini selaras dengan kehendak-kehendak pihak DBP.

Laporan akhir ini merupakan cantuman kedua-dua deraf laporan akhir projek tersebut, iaitu:-

(a) Laporan Bahagian Pertama yang tertumpu kepada aspek pengedaran majalah-majalah DBP, yang disiapkan pada awal bulan Oktober, 1987. Laporan ini, yang mengandungi 145 halaman, telahpun diserahkan kepada pihak DBP pada awal tahun 1988.

(b) Laporan Bahagian Kedua, yang tertumpu kepada aspek pembacaan majalah-majalah DBP, telah disiapkan pada 20hb. Februari 1988. Laporan ini yang mengandungi 130 mukasurat telah diterima secara dasarnya oleh pihak DBP dalam suatu mesyuarat pada awal bulan Jun 1988.

Pembahagian ini telah dibuat atas kesedaran bahawa laporan tinjauan pembaca (Bahagian Kedua, yang melibatkan 4507 responden) akan melambatkan penyerahan laporan tinjauan pengedaran (Bahagian Pertama, yang melibatkan 502 pengedar majalah-majalah DBP). Tambahan pula, kedua-dua bahagian tersebut mempunyai sasaran pembaca yang berlainan. Laporan pengedaran telah ditujukan kepada pegawai-pegawai di Bahagian Pemasaran DBP, manakala laporan pembacaan telah ditujukan kepada anggota sidak redaksi

## KUMPULAN PENYELIDIKAN

---

### Jawatankuasa Pemandu

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Tuan Haji Shaari Abdullah (DBP)                              | Pengerusi |
| 2. Encik Abdul Rahman Yusof (DBP)                               |           |
| 3. Dr. Mohd Thalha (ITM) Hingga November 1987                   |           |
| 4. Prof. Dr. Wan Mohd Ghazalli Abdullah (ITM) Daripada Dis. 87) |           |
| 5. Encik Mohd Hamdan Haji Adnan (ITM)                           |           |
| 6. Encik Sankaran Ramanathan (ITM)                              |           |

### Ahli Projek Penyelidikan

- |  |  |
|--|--|
| 1. Encik Mohd Hamdan Hj. Adnan,<br>Ketua, Kajian Sebaran Am (Ketua Projek Bersama)         |  |
| 2. Encik Sankaran Ramanathan,<br>Pensyarah Kanan, Kajian Sebaran Am (Ketua Projek Bersama) |  |
| 3. Puan Normah Dali,<br>Perangkawan, ITM (sehingga Oktober 1988)                           |  |
| 4. Encik Isahak Kassim,<br>Pensyarah, Kajian Sains Matematik dan Komputer                  |  |
| 5. Encik Ahmad Kamil Mohamed,<br>Pensyarah, Kajian Sebaran Am, ITM                         |  |
| 6. Cik Roslena Ahmad,<br>Pensyarah, Kajian Sebaran Am, ITM                                 |  |

## LAPORAN AKHIR PROJEK DBP

---

### KANDUNGAN

---

Muka Surat

---

#### BAB 1 MAKLUMAT KAJIAN

---

1.1.	Pengenalan dan latarbelakang	1
1.2.	Sejarah dan latarbelakang DBP	4
1.3.	Tatacara penyelidikan	12
1.4.	Laporan kerja penyelidikan	24
1.4.1.	Zon Utara	24
1.4.2.	Zon Tengah	29
1.4.3.	Zon Selatan	34
1.4.4.	Zon Timur	41

#### BAB 2 LAPORAN KAJIAN PENGEDARAN

---

2.1.	Kadar ketepatan sampel	48
2.2.	Responden mengikut bandar/daerah	49
2.3.	Responden mengikut bangsa	50
2.4.	Penjualan majalah tempatan dan luar negara	52
2.5.	Penjualan majalah DBP	54
2.6.	Majalah saingan	55
2.7.	Rumusan kajiselidik pengedaran	59
2.8.	Saranan (aspek pengedaran)	63

## I. MAKLUMAT KAJIAN

---

Bab ini dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut:-

- (1) Pengenalan dan latarbelakang.
- (2) Sejarah dan Latarbelakang Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- (3) Tatacara dan Pentadbiran Penyelidikan.
- (4) Laporan Kerja Penyelidikan.

### 1.1. PENGENALAN DAN LATARBELAKANG

---

#### 1.1.1. Pengenalan

Sejak ia ditubuhkan pada 22 Jun, 1956, DBP telah giat mengeluarkan bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia, khususnya buku-buku dan majalah-majalah.

Sebagai sebuah organisasi penerbit, DBP juga tergolong sebagai entiti perniagaan dalam industri penerbitan. Oleh itu DBP bersaing dengan badan-badan penerbit yang lain, khasnya penerbit-penerbit swasta. Persaingan ini memaksa DBP untuk sentiasa meniliti bahan-bahan bacaan yang dikeluarkannya. DBP tidak semata-matanya bertindak sebagai badan yang hanya mementingkan aspek pengeluaran buku dan majalah sahaja. Ia juga perlu meninjau pendapat dan sambutan pembeli dan pembaca terhadap hasil keluarannya.

Kesan bahan-bahan bacaan DBP adalah terhadap para pembaca. Mereka mempunyai selera yang tersendiri. Selera pembaca dipengaruhi oleh minat, sikap, kehendak dan keperluan seseorang itu. Oleh yang demikian, para pembaca berkuasa untuk memilih bahan bacaan yang sesuai dengan selera masing-masing.